

bab 4 pandang darat fizikal dan pandang darat budaya dalam peta topografi

4.1 Ciri Pandang Darat Fizikal dan Ciri Pandang Darat Budaya

➔ ➔ ➔ Pandang Darat Fizikal

- ciri-ciri semula jadi. Bentuk muka bumi, saliran, tumbuh-tumbuhan semula jadi

➔ ➔ ➔ Pandang Darat Budaya





























- ciri-ciri buatan manusia. Petempatan, pengangkutan, kegiatan




≈ Simbol Titik

Simbol Titik			Maklumat Ciri	Ciri Pandang Darat
a. Simbol titik pelan (Gambaran sesuatu ciri berdasarkan pandangan dari atas)	Air terjun dan jeram		Hidrologi	Fizikal
	Air panas			
	Empangan			
	Tangki air			
	Lintasan Rata		Pengangkutan	Budaya
b. Simbol titik profil (Gambaran sesuatu ciri yang dilihat dari sisi)	Masjid		Keagamaan	Budaya
	Gereja			
	Tokong			
	Kuil			
	Stesen Satelit Bumi		Perhubungan	
	Tiang Wayarles			
c. Simbol titik fungsi (Gambaran umum yang mewakili fungsi ciri simbol)	Ciri Arkeologi		Kawasan bersejarah	Budaya
	Stesen Trigonometri		Ketinggian	
	Titik Ketinggian	. 953		
	Tanda Aras	← 123.45		

Simbol Garisan

Simbol Garisan	Ciri Fizikal	 Sungai  Sungai (Tidak Tentu)  Sungai Bawah Tanah  Had Pasang Surut	 Panunjuk Haluan Arus: 1. Pasang Surut  2. Tidak Pasang Surut  Ganson Pesisir  Ganson Pesisir (Tidak Tentu)
	<p>a. Garisan berwarna biru untuk menunjukkan kawasan yang berair. b. Haluan arus semasa pasang surut dan semasa tidak pasang surut juga dapat ditunjukkan melalui simbol yang diberi.</p>		
Simbol Garisan	Ciri Budaya	<p style="text-align: center;">JALAN RAYA</p>  Lebuhraya Kembar  Lebuhraya Tunggal  Jalan Raya Kembar  Jalan Raya Tunggal	 Jalan Tidak Berturap  Jalan Sedang Dibina  Rintut Kenderaan Bermotor  Laluan Pejalan Kaki
	<p>a. Garisan hijau menunjukkan lebuhraya. b. Garisan merah merupakan jalan raya. c. Lebar jalan ditentukan berdasarkan ketebalan garisan. d. Jalan putus-putus menunjukkan tidak berturap.</p>		
	<p style="text-align: center;">JALAN KERETA API</p>  Kembar  Tunggal  Ringan Kembar  Ringan Tunggal		
	<p>a. Garisan jalan kereta api berkembar lebih tebal berbanding jalan kereta api tunggal. b. Jalan kereta api tunggal lebih tebal berbanding jalan kereta api ringan kembar dan ringan tunggal.</p>		
<p style="text-align: center;">SEMPADAN</p>  Antarabangsa  Mantin  Negeri  Bahagian/ Jajahan		 Daerah  Daerah Kecil  Mukim  Rizab	
<p>a. Garisan sempadan antarabangsa berwarna merah dan mempunyai tanda +. b. Tanda titik-titik menunjukkan kawasan sempadan yang lebih kecil.</p>			

Studywithadmin - ns



3. Simbol Kawasan

Simbol Kawasan			Ciri	Pandang Darat
Hutan Primer	Hutan Sekunder, Belukar, Riang dan Jerami	Rumput	Tumbuh-tumbuhan semula jadi	Fizikal
Kontur	Garis Bertuk		Bentuk muka bumi kawasan tanah tinggi	
Getah	Kelapa Sawit	Kelapa	Kegiatan pertanian	Budaya
Bandar dan Kawasan Tepubina	Bangunan Tertitik		Kawasan petempatan	
Tasik/Kolam/Takungan	Tasik/Kolam/Takungan (Tidak Tentu)		Tasik, kolam dan takungan buatan manusia	


3. Simbol Bergambar

Simbol Bergambar	
Ciri Fizikal	Ciri Budaya
Batuan	Kuari
1.Pasir 2. Lumpur	Jeti/Dermaga/Tembok Gelombang

3. Singkatan Perkataan


Singkatan Ciri Fizikal				Singkatan Ciri Budaya					
Alr.	Alur	Sg.	Sungai	B.P.	Balai Polis	P.P.	Pejabat Pos	S	Sekolah
Bkt.	Bukit	Tg.	Tanjung	B.R.	Balai Raya	P.P.T.	Pejabat Pos Telegraf	S.K.	Stesen Kastam
P.	Pulau	Tk.	Teluk	Disp.	Dispensari	Pang	Pangkalan/Pengkalan	S.Kc	Stesen Kajicuaa
				Hosp.	Hospital	Pl.	Parti		

Studywithadmin - ns



4.2 Ciri Pandang darat fizikal dan Ciri Pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam Peta topografi

➔ Ciri pandangan darat fizikal




{ (A) TANAH TINGGI }

- Tanah tinggi di Malaysia merangkumi kawasan banjaran gunung dan tanah tinggi yang mempunyai ketinggian melebihi 180 meter dari aras laut.
- Peta 4.1 menunjukkan Ladang Boh terletak di kawasan tanah tinggi kerana dikelilingi garisan kontur melebihi 1100 meter dari aras laut seperti Titik Ketinggian 1206 di RG 843911.

{ (B) TANAH PAMAH }



- Tanah pamah ialah kawasan yang rata atau beralun yang berketinggian kurang daripada 180 meter dari aras laut.
- Kawasan tanah pamah terdiri daripada delta, dataran pantai dan lembangan sungai.
- Peta 4.2 Losong merupakan kawasan tanah pamah kerana terdapat Sungai Terengganu yang lebar dan Tanda Aras 9 meter dari aras laut di RG 683891.



Peta 4.3 Pola saliran ranting di Sg. Dewat dan Sg. Tinung (Pahang)



Peta 4.4 Pola saliran sepunca di Bukit Jong (Terengganu)




{ (C) SALIRAN }

Studywithadmin - ns

- Peta topografi dapat menggambarkan saliran seperti sungai, tasik dan paya.
- Pola saliran ditentukan berdasarkan susunan sungai dan cawangannya.
- Sungai mempunyai lima jenis pola saliran iaitu ranting, sepunca, gejala, setempu dan bersirat.
- Peta 4.3, Sg. Dewat dan Sg. Tinung merupakan pola ranting kerana susunan sungainya seperti ranting pokok.
- Pola sepunca seperti Peta 4.4 kerana sumber air sungai berpunca di Bukit Jong.
- Pola gejala, setempu dan bersirat seperti Rajah 4.1.
- Aliran sungai terbahagi kepada peringkat hulu, peringkat tengah dan peringkat hilir.
- Peringkat hulu terdapat di kawasan tanah tinggi dan garisan sungai hampir lurus.
- Peringkat tengah sungai terdapat di kawasan cerun landai dan bentuk sungai berliku-liku.
- Peta 4.3, Sg. Dewat dan Sg. Tinung merupakan pola ranting kerana susunan sungainya seperti ranting pokok.
- Pola sepunca seperti Peta 4.4 kerana sumber air sungai berpunca di Bukit Jong.
- Pola gejala, setempu dan bersirat seperti Rajah 4.1.
- Peringkat hilir sungai mempunyai alur sungai yang lebih lebar, likuan terpenggal dan tasik ladam.
- Peta 4.5 Sebahagian menunjukkan peringkat hilir sungai kerana mempunyai alur sungai yang lebih lebar dan likuan terpenggal





ε ‘ (b) Pinggir Pantai ’ }

Studywithadmin – ns


- Terdapat bentuk muka bumi seperti muara sungai, pantai berpasir, lumpur, tebing tinggi, teluk, tanjung dan pulau.
- Peta 4.5 Sebangau terletak di pinggir pantai kerana terdapat muara sungai dan kawasan berlumpur di RG 2071.

ε ‘ (e) Tumbuhan Semula Jadi ’ }

- Tumbuhan semula jadi dalam peta topografi seperti hutan primer, hutan sekunder, belukar, rumput, riung dan jerami.
- Hutan primer terdapat di kawasan tanah tinggi dan pedalaman yang belum diteroka.
- Hutan sekunder ialah tumbuhan semula jadi yang tumbuh di kawasan hutan yang telah diteroka.
- Tumbuhan seperti rumput boleh hidup di kawasan yang berpasir dan kurang subur.
- Peta 4.5 Sebangau mempunyai kawasan hutan primer pokok paya bakau di RG 2072 dan kawasan rumput seperti RG 2370.



➡️ Pandang Darat Budaya



ε ‘ (A) Petempatan ’ }

- Empat jenis pola petempatan dalam peta topografi ialah petempatan berpusat, petempatan berjajar, petempatan berselerak dan petempatan berkelompok.
- Peta 4.6 Simunjan, terdapat petempatan berpusat di RG 1854 kerana bandar, kawasan tepubina dan bangunan teritlak.
- Petempatan berjajar di Kg. Sageng Hilir di RG. 1852.
- Petempatan berselerak terdapat di RG.1654.
- Petempatan berkelompok ialah petempatan disusun secara berkelompok dan teratur seperti FELDA.



ε ‘ (B) Pengangkutan ’ }

- Bandar mempunyai jalan raya yang lebih padat berbanding dengan kawasan luar bandar.
- Terdapat juga di kawasan luar bandar jalan tidak berturap dan laluan pejalan kaki.
- Peta 4.6 Simunjan mempunyai jalan raya tunggal dan jalan tidak berturap (RG 1553).
- Jeti di RG 181547, menunjukkan Simunjan juga mempunyai pengangkutan air.

3 (c) KEGIATAN EKONOMI 3

- Kegiatan ekonomi seperti pertanian, perikanan, pengangkutan, perindustrian dan pelancongan.
- Peta 4.6 Simunjan mempunyai kegiatan ekonomi pertanian padi sawah (RG 1752), kelapa sawit (RG 1554) perikanan di Sungai Simunjan dan kilang papan (RG 172558).

4.3 HUBUNG KAIT CIRI PANDANG DARAT FIZIKAL DAN CIRI PANDANG DARAT BUDAYA

➤ KENAL PASTI CIRI PANDANG DARAT FIZIKAL DAN CIRI PANDANG DARAT BUDAYA

- Peta topografi menunjukkan kawasan Batu Feringgi.
- Ciri-pandang darat fizikal seperti tanah-tinggi, tanah pamah, sungai, pinggir pantai dan hutan primer.
- Ciri pandang darat budaya ialah petempatan, sekolah, masjid, klinik, jalan raya, jambatan batu dan tangki air.

➤ HUBUNG KAIT DAN LOKASI CIRI PANDANG DARAT FIZIKAL DAN CIRI PANDANG DARAT BUDAYA



Tanah tinggi
Tanah pamah
Saliran
Pinggir pantai
Tumbuhan semula jadi

Studywithadmin - ns

